

29 JAN 1999

PM DIJANGKA LANCARKAN DUA ACARA PENTING DI LANGKAWI SELASA INI

LANGKAWI, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan singkat ke Langkawi Selasa ini untuk melancarkan dua acara penting negara yang bermula di sini.

Menurut kenyataan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di sini, hari ini, beliau dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, pada sebelah tengah hari untuk menghadiri majlis jamuan tengah hari di Dewan Matsirat, Berjaya Langkawi Beach Resort sempena pelancaran Le Tour de Langkawi 1999 (LTDL '99).

Pada masa ini, beberapa pasukan lumba basikal utama dari seluruh dunia sudah bertumpu ke pulau peranginan ini untuk menyertai LTDL '99 yang bermula Rabu ini.

Kira-kira 150 pelumba daripada 25 pasukan akan mengambil bahagian dalam perlumbaan yang meliputi jarak sejauh 1,773.5 kilometer dan 12 peringkat selama 12 hari.

Jelajah edisi keempat anjuran First Cartel (M) Sdn Bhd itu menawarkan hadiah lumayan bernilai RM1.5 juta, menjadikannya kejohanan ketiga berprestij dunia selepas Le Tour de France dan Giro d'Italia.

Perlumbaan berprestij itu memberi peluang mempromosikan Langkawi ke mata dunia kerana LTDL '99 akan dipancarkan ke negara Asia dan beberapa negara peserta.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan melancarkan pelayaran solo mengelilingi dunia oleh seorang anak tempatan Azhar Mansor dengan kapal layar 'Jalur Gemilang' di Awana Porto Malai Langkawi.

Pada 5 Disember lalu, Dr Mahathir menepung tawar Jalur Gemilang yang akan digunakan oleh anak jati Perlis itu dalam pelayaran sejauh 40,000 kilometer atau 26,000 batu nautika.

Azhar, 40, nekad untuk belayar tanpa henti secara solo mengikut laluan baru yang disahkan Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia (WSSRC) yang berpejabat di England dan memecahkan rekod 105 hari mengelilingi dunia yang dipegang pelayar Perancis sebelum ini.

-- BERNAMA

NH ZB